

PROGRAM GERAN KREATIF KUALA LUMPUR

GAMBARAN KESELURUHAN

| Permohonan Dibuka | Permohonan Ditutup | Keputusan Dimaklumkan Pada | Bengkel Penerima Manfaat yang Berjaya |
|-------------------|--------------------|----------------------------|---------------------------------------|
| 8 Mei 2024 | 21 Jun 2024 | 5 Ogos 2024 | 1 minggu selepas makluman |
| | 29 Julai 2024 | 9 September 2024 | |

1. Apakah Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Pusat Bandar Kuala Lumpur merupakan pusat bandar bersejarah Kuala Lumpur yang berkembang maju dengan tenaga baharu kerana warisan dan budaya yang ikonik dan menarik serta aset warisan budaya ketara dan tidak ketara. Banyak aktiviti telah diusahakan oleh pelbagai pihak berkepentingan dan komuniti untuk memelihara dan meraikan sejarah, kreativiti dan budaya Malaysia.

Untuk merealisasikan potensi Pusat Bandar Kuala Lumpur, Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD) telah dibangunkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan sokongan Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, dan Yayasan Hasanah. Pelan yang berwawasan ini menyasarkan pembentukan sebuah daerah kreatif dan kebudayaan yang inklusif, kaya dengan pengalaman unik dan berdaya maju yang dapat menyatukan lembaran sejarah bagi mempertingkatkan kedaya hunian dan tarikan pelawat.

2. Apakah Program Geran Kreatif Kuala Lumpur?

Dilancarkan pada tahun 2020, Program Geran Kreatif Kuala Lumpur (Kreatif KL) bertujuan untuk menggiatkan semula pusat bandar bersejarah ke arah pembangunan hab kreatif yang berdaya huni, bertenaga dan berkembang maju. Program ini memperkasakan komuniti dan menawarkan peluang untuk melaksanakan peremajaan daerah kreatif dan pembangunan ekonomi serta mengukuhkan daya tahan sosial dan alam sekitar di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Program ini bertujuan untuk menarik bakat dan perniagaan ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dan menggalakkan pembentukan persekitaran yang menarik untuk hidup, bekerja, makan dan beriadah. Kualiti persekitaran sesebuah tempat adalah penting untuk menarik dan mengekalkan bakat. Kepelbagaian bakat merupakan antara faktor utama untuk membawa pelaburan baharu ke daerah kreatif.

Sejak program ini dilaksanakan, RM 5.6 juta telah diluluskan kepada 54 penerima manfaat dan mencapai nisbah pelaburan bersama sebanyak 1:6.8. Antara kawasan tumpuan projek penerima manfaat termasuk Presint Sivik, Presint Jalan Petaling dan Presint Segi Tiga Bersejarah.



Memandangkan kepelbagaian usaha pemulihan dan pelbagai peringkat pelaburan awam yang disasarkan, kami bersyukur atas sokongan berterusan Kementerian Kewangan, Malaysia. Think City kekal komited untuk memajukan Program Geran Kreatif KL menerusi Belanjawan 2024, untuk merealisasikan visi Pusat Bandar Kuala Lumpur dan menangani cabaran bandar yang dihadapinya.

3. Apakah objektif Program Geran Kreatif KL?

Objektif program adalah untuk:

- Mewujudkan jaringan hab kreatif dan kebudayaan dengan menyokong perniagaan, inkubasi dan pusat pengetahuan;
- Mengoptimumkan aset warisan yang kurang digunakan di samping menambah baik daya tarikan Pusat Bandar Kuala Lumpur;
- Mengukuhkan daya tahan alam sekitar melalui penghijauan bandar dan penyelesaian inovasi yang lain;
- Membina ruang yang positif dan berdaya huni untuk menggalakkan peningkatan jumlah penghuni dan daya hidup;
- Menggalakkan inovasi digital dan pertumbuhan peluang dalam sektor digital dan multimedia; dan
- Menggalakkan perkongsian ilmu dan kerjasama swasta-awam untuk pembaharuan bandar secara mampan.

4. Siapakah yang layak memohon Program Geran Kreatif KL?

Program geran terbuka kepada individu, kolektif, perniagaan, pertubuhan berasaskan komuniti dan bukan kerajaan* dengan idea projek yang boleh mencipta kepelbagaian pengalaman pelawat, hasil ekonomi tempatan yang sejajar dengan budaya dan menyumbang kepada usaha peremajaan Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Pemohon utama mesti memikul tanggungjawab pentadbiran sepenuhnya serta melibatkan diri secara aktif dalam keseluruhan proses.

**Organisasi/syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan/atau Jabatan Pendaftaran Malaysia dialu-alukan untuk memohon.*



5. Apakah yang disokong oleh Program Geran Kreatif KL?

Program Geran Kreatif KL menyokong perbelanjaan langsung untuk anda melaksanakan projek cadangan yang mungkin berkisar antara **RM30,000 hingga RM300,000** setiap permohonan.


Anda perlu mengambil perhatian bahawa program ini:

- mengutamakan projek yang sekurang-kurangnya pelaburan bersama RM1:RM1;
- mengutamakan projek berpotensi impak tinggi;
- menyokong projek yang inklusif kepada semua komuniti, menarik pengguna baharu, memperkenalkan kandungan kreatif baru, atau mempelbagaikan penggunaan ruang; dan
- mengutamakan projek yang boleh disiapkan pada atau sebelum 30 Jun 2025*.

* Permohonan bertulis hendaklah dihantar kepada Think City sebelum 1 Mei 2025 sekiranya lanjutan tempoh projek diperlukan.

6. Di manakah kawasan tumpuan geografi Program Geran Kreatif KL?

Program ini mengutamakan projek yang terletak dalam kawasan utama Pusat Bandar Kuala Lumpur iaitu dalam lingkungan 250m radius di sekeliling Kawasan Dataran Merdeka, Stesen LRT Masjid Jamek, Kawasan Jalan Hang Lekiu dan Hab Transit Pasar Seni (diserlahkan dengan warna merah) dan kawasan penting yang lain (dalam lingkungan garisan biru). Namun begitu, pemohon tetap dialu-alukan untuk mencadangkan projek di kawasan lain dalam KLCCD. (diserlahkan dengan warna kelabu).



-  Pusat Bandar Kuala Lumpur
-  1 Presint Jalan Membeli-Belah Tradisional
-  2 Presint Pendidikan
-  3 Presint Segi Tiga Warisan
-  4 Presint Jalan Petaling
-  5 Presint Sivik
-  Kawasan Penting Lain
-  1 Chow Kit Selatan
-  2 Bukit Nanas
-  3 Bukit Ceylon
-  4 Presint M118
-  5 Enklaf Kg. Attap
-  6 Brickfields
-  7 Institutusi Budaya
-  8 Taman Tugu & Taman Botani Perdana

Rujukan: Kuala Lumpur Creative and Cultural District Strategic Master Plan



7. **Apakah cabaran bandar yang dihadapi di Pusat Bandar Kuala Lumpur?**

| | | | |
|--|--|--|--|
| Keusangan Bangunan | Kekurangan Keselesaan Thermal | Ruang Awam yang Kurang Baik | Tanggapan Negatif Terhadap Keselamatan |
| Kekurangan Kesyinambungan Batuan Pertama dan Terakhir | Gelandangan | Aktiviti Waktu Malam yang Terhad | Perdagangan Tradisional yang Berkurangan |
| Kekurangan Tawaran dan Pengalaman Pengunjung Bernilai Tinggi | Kekurangan Perkhidmatan Sokongan bagi Perniagaan Kreatif | Bilangan Hab Kandungan dan Inkubasi berasaskan Pengetahuan yang Terhad | Kekurangan Penduduk Kediaman |

8. **Bagaimanakah Program Geran Kreatif KL boleh membantu projek anda menyokong visi Pusat Bandar Kuala Lumpur?**

Program Geran Kreatif KL menyokong kos langsung projek yang berkaitan dengan enam tema ini:

8.1 PEREMAJAAN RUANG

Untuk meremaja dan menggunasuai aset warisan dan ruang yang kurang digunakan di Pusat Bandar Kuala Lumpur. Perkara ini akan memelihara warisan bandar, mewujudkan ruang positif dan menjadikan kawasan ini menarik kepada penduduk dan pengunjung.

- **Pemuliharaan dan penggunasuaian** – Menyokong kajian, bantuan teknikal, penilaian, penasihat/perunding projek dan/atau penambahbaikan fizikal untuk pemuliharaan bangunan bersejarah bagi mengembalikan semula ciri-ciri penting seni bina dan sejarah.
- **Sokongan teknikal** – Menyokong usaha peningkatan kemahiran, pengetahuan, dan kecekapan komuniti setempat dalam merealisasikan misi projek.
- **Penambahbaikan ruang kreatif dan kebudayaan** – Usaha untuk menambah baik ruang dalaman bagi menyediakan ruang terbaik untuk kegiatan sektor *kreatif dan kebudayaan*¹, termasuk menambahbaik keperluan teknikal untuk aktiviti.



Rujukan

1. Dalam konteks Malaysia, DIKN (2009, p.i) menerangkan sektor ini terbahagi kepada tiga bahagian utama dengan fokus awal kepada sektor digital/multimedia:

- **Multimedia:** filem dan televisyen, pengiklanan, reka bentuk, animasi dan kandungan;
- **Kebudayaan dan kesenian:** kraf, seni visual, muzik, seni persembahan, penulisan kreatif, fesyen dan tekstil; dan
- **Warisan kebudayaan:** muzium, arkib dan pemeliharaan

8.2 PEMBENIHAN DAN/ATAU PENGEMBANGAN PERNIAGAAN KREATIF DAN KEBUDAYAAN

Untuk menyokong pembenihan dan pengembangan perniagaan kreatif dan kebudayaan untuk perkembangan sosioekonomi, ekosistem dan pembangunan komuniti di samping mengukuhkan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah hab yang bertenaga.

- **Perniagaan baharu** – Penubuhan perniagaan kreatif dan budaya yang baharu, termasuk pembangunan produk, penyediaan perkhidmatan atau integrasi teknologi untuk menyokong ekosistem kreatif dan budaya.
- **Pengembangan perniagaan** – Pengembangan perniagaan kreatif dan kebudayaan sedia ada atau pemeliharaan *perdagangan warisan dan perniagaan tradisional*¹ untuk mengukuhkan kegiatan tersebut dalam Pusat Bandar. Hal ini termasuk usaha penjenamaan, interpretasi, dokumentasi atau pengaktifan.

Rujukan

1. Berdasarkan sebuah kajian pada tahun 2016 oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, perdagangan warisan dan perniagaan tradisional boleh ditakrifkan sebagai kegiatan komersial yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 25 tahun yang mempunyai ciri-ciri warisan dan berkait dengan nilai budaya (cth. kraf tradisional atau berkait dengan apa adat-adat tradisi).

8.3 KANDUNGAN KREATIF DAN/ATAU PENGAKTIFAN

Untuk menyokong dan mengukuhkan ekosistem kreatif dengan mewujudkan peluang untuk artis, pekerja budaya dan pengamal kreatif di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

- **Penyelidikan dan penerbitan** – Menyokong penciptaan interpretasi dan dokumentasi kandungan yang berkualiti untuk menambahbaik pendedahan dan penghargaan terhadap keragaman budaya bandar ini. Ini termasuk pemetaan budaya, buku foto, penerbitan filem dan kandungan di pelbagai platform.
- **Pengaktifan dan program** – Menyokong penyusunan, penyelarasan dan penganjuran acara, festival, program, bengkel dan aktiviti untuk mengaktifkan ruang dan menggalakkan penglibatan dan kerjasama komuniti di samping meletakkan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai hab kreatif yang berdaya huni.



8.4 PENGUKUHAN DAYA TAHAN ALAM SEKITAR

Untuk menggalakkan persekitaran yang bertenaga dan berdaya huni yang menarik masyarakat untuk menetap, bekerja dan beriadah dengan projek demonstrasi penghijauan bandar yang efektif, penyesuaian iklim berasaskan alam semula jadi dan penyelesaian inovatif.

- **Penghijauan** – Mengukuhkan litupan hijau dan melaksanakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk meningkatkan keselesaan suhu, teduhan, pendinginan dan keselesaan pejalan kaki. Ini termasuk kebun komuniti, laman poket, dinding dan bumbung hijau.
- **Penyelesaian inovatif** – Melaksanakan penyelesaian, amalan atau teknologi yang inovatif untuk menangani cabaran alam sekitar seperti banjir kilat, pulau haba bandar, pencemaran udara dan pelupusan sampah secara haram.

8.5 DIGITALISASI

Untuk menggalakkan penyelesaian digital yang inovatif bagi menglibaturnya dengan komuniti, meraikan aset warisan, menggalakkan pertukaran ilmu dan menambah baik pengalaman pelawat.

- **Digitalisasi kandungan dan gamifikasi** – Menggunakan teknologi untuk menginterpretasi, mendokumen dan memperagakan kandungan kebudayaan, maklumat sejarah dan pendidikan.
- **Penyelesaian bandar berdaya teknologi** – Membangunkan dan melaksanakan penyelesaian yang inovatif seperti infrastruktur pintar dan platform digital untuk menyelesaikan cabaran bandar seperti pelupusan sampah dan mobiliti.

8.6 PEMBANGUNAN KAPASITI

Untuk mengukuhkan daya tahan dan penyertaan masyarakat melalui program yang dirancang untuk komuniti setempat.

- **Pembangunan profesional** – Memacu penggilapan bakat dan pertumbuhan ekonomi kreatif dan kebudayaan dengan memantapkan bakat-bakat muda menerusi pengetahuan teknikal dan/atau kecekapan perniagaan, ilmu, bimbingan dan jaringan.
- **Pemeriksaan belia** – Mendedahkan golongan belia dan kanak-kanak kepada sektor kreatif dan kebudayaan, memupuk minat dan keterlibatan belia dari usia muda.



9. Apakah syarat-syarat kelayakan untuk memohon Program Geran Kreatif KL?

Pemohon yang berminat dikehendaki menghadiri sesi hari terbuka atau sesi perkongsian geran yang dianjurkan oleh Think City atau rakan kerjasama, untuk memahami kriteria, objektif dan penyediaan cadangan yang diperlukan. Syarat-syarat kelayakan untuk setiap tema di bawah Program Geran Kreatif KL adalah diterangkan seperti berikut:

9.1 PEREMAJAAN RUANG

| | |
|---|--|
| Pemuliharaan dan pengunasaian | Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut: |
| Sokongan teknikal | <ul style="list-style-type: none">• Aset hendaklah berada dalam kawasan tumpuan KLCCD; |
| Penambahbaikan ruang kreatif dan kebudayaan | <ul style="list-style-type: none">• Pemohon hendaklah melantik konservator berdaftar bagi projek yang melibatkan bangunan bersejarah;• Hartanah tersebut hendaklah menyokong agenda KLCCD dengan membolehkan operasi perniagaan atau penganjuran aktiviti selepas projek disiapkan;• Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk pelan pengaktifan ruang dan jangkauan kewangan; dan• Mengemukakan bukti pemilikan, pajakan atau surat kepentingan daripada pemilik hartanah untuk tapak projek yang dikenal pasti. |

9.2 PEMBENIHAN DAN/ATAU PENGEMBANGAN PERNIAGAAN KREATIF DAN KEBUDAYAAN

| | |
|-------------------------|--|
| Perniagaan baharu | Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut: |
| Pengembangan perniagaan | <ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan rancangan perniagaan;• Mengemukakan jadual unjuran kewangan sekurang-kurangnya 3 tahun;• Untuk projek perniagaan baharu, pemohon perlu mendapatkan beberapa bentuk perkongsian atau pembiayaan permulaan; dan• Mengemukakan bukti pemilikan, pajakan atau surat kepentingan daripada pemilik hartanah untuk tapak projek yang telah dikenal pasti. |

9.3 KANDUNGAN KREATIF DAN/ATAU PENGAKTIFAN

| | |
|-----------------------------|--|
| Penyelidikan dan penerbitan | Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut: |
| Pengaktifan dan program | <ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan;• Mengemukakan senarai rakan usahasama projek;• Mengemukakan draf manuskrip atau abstrak dan metodologi kajian bagi penyelidikan atau penerbitan; dan |



- Mengemukakan bukti pemilikan, pajakan atau surat kepentingan daripada pemilik hartanah untuk tapak projek yang telah dikenal pasti.

9.4 PENGUKUHAN DAYA TAHAN ALAM SEKITAR

| | |
|--------------------------------------|---|
| Penghijauan Penyelesaian inovatif | Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut: <ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan;• Mengemukakan senarai rakan usahasama projek;• Mengemukakan bukti rundingan bersama pihak BOMBA ataupun DBKL untuk mengesahkan cadangan projek tidak bercanggah dengan apa-apa perundangan di Malaysia; dan• Mengemukakan bukti pemilikan, pajakan atau surat kepentingan daripada pemilik hartanah untuk tapak projek yang telah dikenal pasti. |
|--------------------------------------|---|

9.5 DIGITALISASI

| | |
|--|--|
| Digitalisasi kandungan dan gamifikasi Penyelesaian bandar berdaya teknologi | Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut: <ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan;• Mengemukakan senarai rakan usahasama projek; dan• Mengemukakan bukti pemilikan, pajakan atau surat kepentingan daripada pemilik hartanah untuk tapak projek yang telah dikenal pasti. |
|--|--|

9.6 PEMBANGUNAN KAPASITI

| | |
|--|--|
| Pembangunan profesional Pemeriksaan belia | Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut: <ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan; dan• Mengemukakan senarai rakan usahasama projek. |
|--|--|

Jadual 9.1: Senarai kriteria dan syarat-syarat keperluan permohonan berdasarkan tema geran.



10. Apakah contoh perbelanjaan yang layak dibiayai oleh Program Geran Kreatif KL?

Senarai di bawah adalah contoh perbelanjaan yang layak dibiayai oleh Program Geran Kreatif KL.

| PERBELANJAAN YANG LAYAK DIBIYAI | |
|---|--|
| Mobilisasi projek dan kerja-kerja awalan | <ul style="list-style-type: none">• Kerja-kerja penyelidikan, perundingan, penilaian dan khidmat nasihan lain yang diperlukan sebelum pelaksanaan projek; dan• Kerja mobilisasi dan pembersihan tapak. |
| Bahan bekalan | <ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan bagi bahan yang diperlukan untuk penciptaan karya seni, instalasi, produksi, pembinaan, penghijauan dan penerbitan. |
| Peralatan dan teknologi | <ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan seperti sewaan mesin, peralatan, perisian komputer atau apa-apa teknologi yang diperlukan bagi kerja penghasilan, pencetakan, pengedaran dan penyediaan teknikal untuk acara. |
| Perkhidmatan profesional | <ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan bagi lantikan perunding, kontraktor, atau lain-lain perkhidmatan profesional atau penasihat yang diperlukan untuk kerja yang terperinci; dan• Perbelanjaan untuk aktiviti pembinaan kapasiti yang bertujuan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan organisasi projek atau komuniti. |
| Aktiviti pemasaran dan promosi | <ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan berkaitan promosi dan pengedaran maklumat projek seperti iklan media sosial/ digital, aset pemasaran, percetakan katalog, dan pembinaan laman sesawang; dan• Perbelanjaan bagi pengambilan personel kreatif seperti pereka grafik, penyusun iklan, jurufoto dan juruvideo. |

Nota:

Contoh-contoh yang disenaraikan di atas bukan senarai lengkap. Sila hubungi Think City sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut.



11. Apakah contoh perbelanjaan yang tidak layak dibiayai oleh Program Geran Kreatif KL?

Geran tidak akan membiayai:

- Perbelanjaan lampau bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan sebelum menandatangani perjanjian geran;
- Pendaftaran yuran gabungan atau lesen;
- Kos Penginapan;
- Kos pembaikan dan penyelenggaraan rutin;
- Kos overhead organisasi sedia ada (iaitu, sewa, insurans, bil utiliti, gaji kakitangan, cukai pihak berkuasa tempatan);
- Denda, penalti kewangan, dan perbelanjaan litigasi; dan
- Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

12. Siapakah yang tidak layak untuk memohon Program Geran Kreatif KL?

Permohonan anda tidak layak disokong sekiranya anda:

Sebagai individu/kolektif/organisasi:

- Diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrapan;
- Sedang menghadapi tindakan, tuntutan, proses atau siasatan;
- Menghadapi proses jenayah atau nama sebagai tertuduh dalam proses kes mahkamah yang belum selesai;
- Memiliki laporan penilaian belum selesai/tertunggak untuk program geran terdahulu daripada Think City; dan
- Didapati penemuan negatif semasa proses penilaian.

Mencadangkan projek yang:

- Telah bermula sebelum tarikh pemberitahuan geran;
 - Tidak menerangkan latar belakang projek, isu, objektif dan output dengan jelas;
 - Tidak mematuhi undang-undang dan ordinan yang terpakai;
 - Mempunyai kandungan yang memburukkan atau merendahkan seseorang atau kumpulan berdasarkan bangsa atau agama, atau mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat kita yang majmuk;
 - Mengancam keselamatan atau kestabilan negara; dan
 - Tidak bersesuaian untuk khalayak ramai.
-



13. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bersama permohonan anda?

Permohonan projek mesti disertakan dengan cadangan yang mengenal pasti niat, proses dan keperluan teknikal (jika berkenaan) dengan jelas. Sebagai garis panduan, projek yang dicadangkan harus memenuhi nilai asas berikut:

- **Menghormati** – Mencerminkan dan menghormati budaya tempatan, sejarah, kepelbagaian Malaysia serta mematuhi undang-undang dan ordinan yang terpakai;
- **Inklusif** – Menarik dan boleh dicapai oleh masyarakat daripada semua latar belakang tanpa mengira umur, etnik, kelas sosial, keupayaan atau jantina;
- **Inovatif** – Memperkenalkan penggunaan kaedah atau idea baharu untuk memajukan, bersaing dan membezakan dengan jayanya dalam pasaran mereka; dan
- **Keusahawanan** – Menunjukkan pelbagai set kemahiran untuk memperkembangkan perniagaan dan jenama.

Dokumen lain yang diperlukan untuk disertakan dalam penyerahan anda (dalam format PDF) adalah seperti di bawah:

- Borang permohonan yang lengkap;
- CV/profil/portfolio pemohon (untuk individu/organisasi);
- Anggota projek serta peranan masing-masing (termasuk mana-mana rakan kongsi projek yang terlibat sepanjang tempoh projek);
- Belanjawan – pecahan terperinci kos, termasuk mana-mana penentuan kos pihak ketiga (Contoh belanjawan boleh dirujuk pada borang permohonan);
- Penyata bank yang dikosongkan untuk menunjukkan bukti alamat surat-menyurat;
- Butiran syarikat atau pertubuhan – Sijil Pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat/ Pertubuhan/ Borang Perniagaan 9, 13, 24, 44, 49, M&A
- Dokumen sokongan lain – gambar tapak projek yang dicadangkan, kos pihak ketiga, dokumen penyelidikan, dsb.
- Dokumen yang disenaraikan dalam Jadual 9.

14. Bagaimanakah anda boleh memohon Program Geran Kreatif KL?

Pemohon yang berminat boleh mengisi borang permohonan melalui laman sesawang <https://thinkcity.com.my/CKLGP>

Sila ambil maklum bahawa anda perlu menghadiri salah satu sesi hari terbuka atau sesi perkongsian geran.

Tarikh untuk sesi-sesi ini akan diumumkan di laman sesawang Think City dan disampaikan melalui semua platform Think City yang berkaitan.



15. Apakah yang berlaku selepas anda memohon?

Semua permohonan akan dinilai dan diluluskan melalui proses penilaian yang sangat kompetitif.

Prosesnya adalah seperti berikut, tertakluk kepada perubahan atau pindaan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Think City:



16. Apakah yang berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan Berjaya

Pemohon yang berjaya akan menerima makluman melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran Dana (LOO).

Tawaran adalah sah selama tujuh (7) hari dari masa e-mel makluman dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh masa ini, tawaran tersebut akan luput.

Sebagai penerima yang berjaya, anda perlu hadir di Bengkel Penerima Manfaat dengan Think City untuk mengesahkan terma dan syarat geran.

Setelah pencapaian penting dipersetujui oleh kedua-dua pihak penerima manfaat dan Think City, anda akan menerima Surat Penganugerahan Geran (LOA) yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan geran yang diluluskan;
- Terma & syarat projek; dan
- Skop kerja dan senarai pencapaian penting.

Permohonan Tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan menerima makluman melalui e-mel jika permohonan tidak disenarai pendek dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

Think City tidak menerima rayuan permohonan. Semua keputusan adalah muktamad.



17. Bagaimanakah anda akan menerima dana yang diluluskan?

Dana akan disalurkan setelah pencapaian dan penyerahan projek diselesaikan. Dana akan dimasukkan ke akaun bank penerima yang diiktiraf (individu atau organisasi) dalam tempoh 30 hari selepas penyerahan laporan kemajuan yang diluluskan oleh Think City

Peratusan dana dan pencapaian akan digariskan berdasarkan keperluan projek dan terakluk kepada kelulusan akhir oleh Think City. Carta alir bagaimana anda menerima dana ini digariskan seperti berikut:



Laporan kemajuan yang dinyatakan harus memberikan data maklumat dan pelaporan hasil kepada Think City untuk memantau prestasi dan aktiviti setiap projek dan memastikan kebertanggungjawaban dana awam. Laporan kemajuan akan memaklumkan penyelidikan dan komunikasi oleh Think City yang membolehkan kami untuk menunjukkan impak pemohon yang berjaya.



18. Apakah jangkaan untuk pencapaian dan keperluan pelaporan daripada pemohon yang berjaya?

Sepanjang tempoh pelaksanaan projek, anda dikehendaki:

- Menyampaikan projek yang dicadangkan dalam tempoh geran yang digariskan dalam Surat Penganugerahan Dana (LOA) dan mematuhi keperluan laporan seperti yang dipersetujui;
- Sentiasa berhubung dengan Think City untuk mengemaskini kemajuan projek atau memaklumkan sebarang perubahan dalam skop kerja atau garis masa; dan
- Mengiktiraf sokongan Think City dan Belanjawan 2024 melalui platform media yang berkaitan dan mematuhi garis panduan jenama Think City iaitu, memasukkan logo pada semua bahan publisiti dan pemasaran bagi projek yang disokong.

Laporan Kemajuan Projek mesti diserahkan pada penghujung setiap pencapaian penting yang dipersetujui dan Laporan Penyiapan Projek akan diperlukan pada penghujung projek, bersama-sama dengan:

- Tinjauan Penilaian Hasil yang perlu dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas projek siap (disediakan oleh Think City);
- Penyata kewangan yang menggariskan penggunaan belanjawan sebenar (templat disediakan oleh Think City); dan
- Sebarang bentuk bahan tambahan lain seperti fotografi, videografi dan/atau bahan yang dicipta.

Nota tambahan:

Think City berhak untuk membatalkan sebarang permohonan/kelulusan sekiranya terdapat:

- Perubahan dalam skop projek tanpa makluman dan kelulusan daripada Think City;
- Tidak dapat menyiapkan projek mengikut cadangan yang dikemukakan (tanpa justifikasi yang sah); dan
- Pelanggaran terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam Surat Penganugerahan Dana (LOA) .



19. Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda memiliki sebarang pertanyaan?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin membincangkan permohonan anda secara terperinci, sila hubungi Think City melalui mesej *Whatsapp* di talian +6013 201 8930 atau e-mel kepada downtownkl@thinkcity.com.my dengan pertanyaan anda atau dapatkan temu janji.

Mengenai Think City

Think City ialah organisasi impak yang ditubuhkan pada 2009 untuk mewujudkan tempat yang lebih mampan dan saksama untuk manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami memberi tumpuan kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Tamat.

Dikemas kini pada 6 Mei 2024.

